

06

Keberkesanan Penggunaan Go Formative dalam Pembelajaran Murid

Zaleha Ahmad

zaleha_ahmad@moe.edu.sg

Nailul Azmi Ismail


nainul_azmi_ismail@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Park View

Abstrak

Penilaian holistik merupakan proses penilaian yang menggabungkan penilaian kelakonan pembelajaran murid yang diambil dari pelbagai sumber. Penilaian ini mampu memberikan input yang menyeluruh tentang perkembangan kelakonan seseorang murid. Untuk mencapai matlamat penilaian holistik ini, portal penilaian interaktif *Go Formative* telah digunakan untuk memantau perkembangan kelakonan murid. Dalam hal ini, portal ini digunakan untuk menilai pencapaian komponen tatabahasa murid. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan portal *Go Formative* dalam menilai pemahaman di kalangan murid yang menjurus kepada komponen tatabahasa. Berdasarkan respons yang diberikan murid, guru dapat menilai pencapaian holistik murid. Data-data yang diperoleh dalam kajian ini juga dapat membantu guru untuk menilai keberkesanan arahan-arahan dalam pengajaran. Ini dapat dijadikan kayu ukur untuk melakar aktiviti pengajaran susulan ataupun memperkenalkan pengajaran pemulihan.

Kata Kunci: holistik, portal, interaktif, pemahaman, penilaian formatif,



PENGENALAN

Sistem pendidikan Singapura perlu bersifat dinamik dan holistik agar sentiasa segar serta berubah mengikut keperluan masa depan negara dan global. Penilaian holistik ini mampu mengurangkan tekanan kepada murid-murid dan mengelakkan mereka daripada mengamalkan budaya *rote learning* atau belajar secara menghafalan. Oleh yang demikian, sistem pendidikan di Singapura telah banyak mengalami perubahan demi mempertingkatkan lagi taraf dan mutu pendidikan yang disesuaikan dengan perkembangan dan keperluan abad ke-21.

Usaha pihak Kementerian Pendidikan untuk mengubah sistem penilaian secara bertahap amat dialu-alukan. Pihak sekolah digesa agar memberi lebih banyak tumpuan kepada pembentukan proses pemerolehan ilmu yang lebih bermakna dan pengumpulan maklumat mengenai perkembangan murid secara kualitatif dan kuantitatif agar dapat memberi gambaran jelas tentang kebolehan murid secara menyeluruh. Secara bersepadu, pihak kementerian telah berusaha untuk mengubah tanggapan dan pemberatan terhadap penilaian bercorak sumatif yang lebih berfokus kepada kebolehan murid untuk menjawab soalan peperiksaan sahaja tanpa mengambil kira aspek-aspek lain seperti pemupukan kemahiran-kemahiran abad ke-21 dengan melakukan rombakan pada sukatan pelajaran bagi mata pelajaran teras di sekolah.

Pengajaran tatabahasa amatlah penting kerana ia mempersiapkan murid dengan pengetahuan asas dalam pembentukan kata dan ayat serta cara menggunakan aspek tatabahasa mengikut sistem yang betul semasa bertutur dan menulis. Tinjauan yang dibuat secara rawak dalam kalangan guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah mendapati bahawa lazimnya pengajaran tatabahasa dan kosa kata dilakukan secara implisit di dalam kelas. Faktor-faktor seperti jurang tahap kesediaan murid, sikap guru terhadap pengajaran tatabahasa, ketidakseragaman dari segi kaedah pengajaran guru di bilik darjah.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam menilai keupayaan murid, guru perlu memastikan agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat direncamkan dan pada masa yang sama penilaian yang dilaksanakan perlu melibatkan penyertaan secara aktif murid dalam proses pemerolehan ilmu. Pada masa yang sama, piawaian yang dilakukan guru perlulah



menggunakan ukur tara yang sama atau standard bagi memastikan penilaian dijalankan secara menyeluruh dan adil.

Guru memainkan peranan yang penting bukan sahaja dalam pemilihan kaedah pengajaran yang bersesuaian untuk memastikan hasil pembelajaran yang diharapkan tercapai. Mereka juga perlu memikirkan rangka penilaian yang berkesan dan harus memastikan wujudnya keselarian di antara objektif pengajaran dan objektif penilaian. Pada masa yang sama, guru perlu meneroka bagaimana penggunaan ICT dapat menyokong usaha penilaian ini. Kemahiran untuk menghasilkan bahan pengujian yang pelbagai bukan sahaja untuk mempersiapkan murid untuk menduduki peperiksaan pada akhir tahun tetapi juga untuk menguji sejauh mana keupayaan berbahasa dan penerapan nilai dalam diri murid.

TUJUAN KAJIAN


Kajian ini dijalankan untuk:

1. menilai tahap peningkatan dalam pemahaman murid semasa pembelajaran tatabahasa;
2. merakam sejauh mana pemahaman murid dalam menggarap kandungan pembelajaran melalui wadah penilaian interaktif; dan
3. menggalakkan murid berfikir secara kritis semasa proses pembelajaran bahasa Melayu.

KAJIAN LEPAS

Stufflebam (1971) menyatakan bahawa penilaian adalah proses menyerlahkan, mendapatkan dan menyediakan maklumat berguna bagi mengukur hasil pembelajaran yang dicapai. Penilaian dapat menentukan dan menjelaskan jurang perbezaan antara apa yang dihasilkan dengan apa yang dihasratkan daripada satu program pendidikan. Manakala Gay (1985) pula berpendapat bahawa penilaian ialah satu proses sistematik yang digunakan dalam mengumpul dan menganalisis data bagi menentukan sama ada sesuatu objektif yang telah ditetapkan itu telah tercapai. Hal ini akan membolehkan guru membuat pertimbangan atau keputusan yang tepat berhubung PdP.

Perkembangan teknologi dewasa ini banyak menawarkan khidmat portal



pendidikan untuk menganalisis kelakonan murid dan meninjau tahap pemahaman mereka. Ambigapathy dan Shanti (2004) mendapati bahawa guru yang memiliki tahap literasi penilaian yang tinggi akan menghasilkan pengajaran yang lebih berkesan. Mc Keown (1986) pula menegaskan jika seseorang pendidik itu mempunyai pengetahuan yang meluas terhadap literasi penilaian berteraskan ICT, beliau bukan sahaja dapat memudahkan kerja-kerja pentadbiran malahan data-data yang diperolehi dapat digunakan secara optimal untuk melakarkan bahan-bahan pengajaran yang lebih menarik mengikut tahap kesediaan murid.

Penggunaan pelbagai portal pendidikan yang dibuat secara terancang dalam pengajaran tatabahasa amat berkesan kerana ia bukan sahaja dapat meningkatkan pemahaman murid tentang sesuatu konsep, namun berupaya merangsang minat murid melalui kaedah pembelajaran secara interaktif. Malah ia juga memudahkan proses komunikasi antara guru dan murid serta ibu bapa yang mana maklum balas terhadap pencapaian murid dapat disalurkan dengan lebih cepat dan mudah. Selain daripada itu, ia juga dapat membentuk sikap yang lebih positif dalam kalangan murid terhadap proses pembelajaran kerana murid boleh mengakses portal pada masa terluang melalui pelbagai peranti seperti iPad, telefon bijak dan komputer. Secara tidak langsung, ini dapat memupuk murid supaya berdikari dan memberi tumpuan kepada pembelajaran sepanjang hayat.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan beberapa kaedah yang dapat diselaraskan untuk mendapatkan informasi. Antaranya adalah tinjauan guru yakni guru meninjau permasalahan dan membuat penelitian terhadap profil dan kelakonan murid berdasarkan markah peperiksaan yang lalu. Di samping itu, guru membuat pemerhatian semasa proses PdP di dalam kelas dan menganalisis skrip jawapan ujian diagnostik murid; dan seterusnya melakukan pemerhatian terhadap pengajaran guru di dalam kelas semasa pengajaran tatabahasa dijalankan.

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan kohort murid Darjah 3, 4, 5 dan 6. Bagi peringkat Darjah 3, seramai 42 orang murid yang terlibat dalam kajian ini manakala untuk Darjah 4, seramai 44 orang murid berbilang jantina yang terlibat. Bagi peringkat Darjah 5 seramai 35 orang murid terlibat manakala untuk Darjah 6 terdiri daripada 37 orang murid. Hasil tinjauan terhadap murid yang telah dikenal



pasti mendapati bahawa murid terdiri daripada latar belakang keluarga yang pelbagai justeru mewujudkan jurang dari segi pendedahan, pengetahuan dan penguasaan mereka dalam bahasa Melayu.


Instrumen Kajian

Kajian ini menggabungkan penggunaan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Bagi pengumpulan data kuantitatif, pengkaji membuat perbandingan berdasarkan kelakonan murid semasa praujian dan pascaujian yang dijalankan. Untuk memastikan data yang diperoleh konsisten, guru turut mengumpul dan membandingkan data daripada markah ujian topikal, ujian pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun 2017. Sesi pemantauan di dalam kelas, lapor balik daripada borang refleksi murid dan sesi temu bual dengan guru-guru pula merupakan data kualitatif untuk menyokong dapatan kajian.

Portal *Formative.com* merupakan portal dalam talian yang menawarkan khidmat menganalisis respons murid berdasarkan soalan-soalan yang dibina telah digunakan dalam kajian ini. Portal ini membolehkan para pendidik untuk membina pelbagai bahan penilaian dengan mudah dan cepat. Guru dapat memilih pelbagai jenis soalan seperti soalan jenis aneka pilihan (MCQ), respons bebas (OE), salah atau betul (*True or False*) dan mengisi tempat kosong (FIB). Salah satu keistimewaan portal ini ialah fungsi lakaran/ilustrasi bebas yang boleh digunakan oleh murid untuk merakam tahap pemahaman mereka dalam bentuk grafik. Fungsi ini amat berguna untuk murid yang mempunyai tahap kecerdasan visual dan kinestetik yang lebih cenderung untuk menzahirkan pemahaman mereka dalam bentuk yang berbeza.

Prosedur Kajian

Guru telah melakukan tinjauan awal terhadap markah peperiksaan akhir tahun (SA2) yang diperoleh oleh murid-murid bagi item-item pengetahuan (*Knowledge question*) dan mendapati hampir 30% peratus daripada setiap kohort tidak dapat menjawab soalan jenis pengetahuan dengan cemerlang bagi topik imbuhan, peribahasa dan golongan kata. Pengkaji juga mendapati bahawa hampir 50% murid-murid dari peringkat berprestasi sederhana (*medium performing class*) gagal dalam menjawab soalan pengetahuan. Guru kemudian melakukan sesi temu bual bersama murid-murid dan guru dan mendapati bahawa empat faktor




utama yang menyumbang kepada permasalahan ini ialah ketidakupayaan memahami kehendak soalan, tidak memahami topik pembelajaran, ketidakseragaman dari segi cara pengajaran topik tatabahasa dijalankan di dalam kelas dan kurangnya pendedahan terhadap kosa kata dan penggunaan bahasa Melayu yang terhad dalam kalangan murid. Bagi topik peribahasa pula, bagi kohort Darjah 3 dan 4 pengkaji mendapati hampir 30% daripada setiap kohort, kurang faham makna peribahasa dan bagaimana untuk mengaplikasikan penggunaan peribahasa tersebut di dalam ayat.

Guru juga melakarkan bahan praujian dan pascaujian berdasarkan topik-topik tatabahasa yang terdapat di dalam pakej Mekar. Kemudian, praujian telah dijalankan untuk mendapatkan informasi tentang tahap kesediaan murid disusuli dengan proses melakarkan aspek tatabahasa secara bertahap oleh pengkaji. Penyelaras bagi setiap peringkat ditugaskan untuk membina bahan-bahan pengajaran dan penilaian dengan menyerapkan elemen ICT agar pengajaran menjadi lebih interaktif. Setiap bahan-bahan pengajaran yang dibina harus mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan memberi penekanan kepada pengajaran bahasa secara eksplisit. Durasi bagi setiap pengajaran yang bakal dijalankan dibuat mengikut tahap kecerdasan murid. Penyelaras juga menyediakan bahan-bahan tambahan untuk menampung keperluan murid-murid yang mempunyai tahap kecerdasan yang pelbagai.

Dalam setiap minggu, tiga waktu murid dan diperuntukkan untuk menjalankan pengajaran bahasa dengan menggunakan portal dalam talian. Sebagai pengukuhan, murid melakukan tugas latihan di rumah dan melengkapkan refleksi menggunakan portal *Formative.com* untuk merakam tahap pemahaman mereka terhadap pembelajaran.

Semasa sesi pengajaran dijalankan guru melakukan pemantauan dengan menggunakan senarai semak dan borang refleksi murid untuk mendapatkan gambaran terhadap keberkesanan setiap aktiviti yang dijalankan. Guru merekod pencapaian murid setelah tamat pengajaran. Masa yang diperuntukkan untuk melengkapkan pengajaran tatabahasa ialah antara 3-5 waktu bagi setiap topik. Markah ujian topikal digunakan untuk menilai pencapaian murid terhadap penguasaan topik tatabahasa yang baharu. Sebanyak 20 markah diperuntukkan bagi setiap topik tatabahasa di dalam ujian topikal yang dijalankan setiap bulan. Guru juga telah menggunakan dapatan daripada borang refleksi murid untuk merangka aktiviti pembelajaran susulan dan menentukan bahan pengajaran



yang baharu mengikut tahap pencapaian murid.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berikut merupakan jadual dapatan kajian yang telah dianalisis.


Jadual 1: Analisis Data Pencapaian Murid Mengikut Kohort bagi Peperiksaan Utama

Kohort	Markah SA2 2016	SA1 2017	SA2 2017	Analisis Pencapaian
Darjah 3	90.9%	80.9%	92.8%	+11.9%
Darjah 4	72.5%	85%	100%	+15%
Darjah 5	89%	90.3%	100%	+9.7%
Darjah 6	73.3%	97.3%	100%	+2.7%

Jadual 1 merupakan dapatan daripada tinjauan awal guru untuk menganalisis tahap pencapaian murid bagi setiap kohort berdasarkan kelakonan mereka dalam kertas Bahasa Melayu bagi peperiksaan akhir tahun 2016 (SA2). Berdasarkan data kelakonan murid, murid-murid disalurkan kepada dua kelas iaitu ML1 (tahap kecerdasan tinggi) dan ML2 (tahap kecerdasan sederhana/lemah). Dapatan awal mendapati bahawa murid dari kelas ML1 agak lemah di dalam topik golongan kata, kata seerti/seiras, kata berlawanan/berpasang dan kata hubung. Manakala murid di dalam kelas ML1 pula menunjukkan prestasi yang lemah bagi semua topik yang telah dikenal pasti. Dapatan selepas kajian, mendapati peningkatan yang positif bagi pencapaian murid bagi setiap kohort. Peningkatan yang amat memberangsangkan dapat dilihat bagi kohort murid dari Darjah 4 di mana ada perubahan +15% bagi markah keseluruhan semasa peperiksaan akhir tahun 2017.

Jadual 2: Analisis Data Pencapaian Murid Mengikut Kohort bagi Komponen Peribahasa

Kohort	Markah SA2 2016	SA1 2017	SA2 2017	Analisis Pencapaian
Darjah 3	-	77.3%	83.7%	+6.4%
Darjah 4	64.1%	62.8%	73.3%	+10.5%
Darjah 5	76.4%	55%	74.3%	+19.3%
Darjah 6	67.2%	74%	87.6%	+13.6%



Jadual 2 menunjukkan hampir setiap kohort telah menyaksikan peningkatan dari segi tahap pencapaian mereka bagi komponen peribahasa. Peningkatan yang paling ketara ialah bagi kohort peringkat atas. Pencapaian kohort murid dari Darjah 5 dan 6 menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan kerana walaupun ada peningkatan dari segi tuntutan penilaian, iaitu memerlukan murid memahami 60 daftar peribahasa, murid telah mendemonstrasikan pemahaman mereka dengan baik dan dapat mengaplikasikan pemahaman mereka di dalam bentuk teks jenis kontekstual.

Jadual 3: Analisis Data Pencapaian Murid Mengikut Kohort bagi Komponen Golongan Kata

Kohort	Markah SA2 2016	SA1 2017	SA2 2017	Analisis Pencapaian
Darjah 3	68.2%	70.5%	74.4%	+3.9%
Darjah 4	54.9%	58.6%	63.9%	+10.5%
Darjah 5	53.7%	55.5%	71.4%	+19.3%
Darjah 6	60.6%	68.6%	75.1%	+14.6%

Bagi komponen golongan kata pula, murid telah menunjukkan perkembangan yang positif bagi setiap kohort. Kohort murid dari Darjah 4, 5 dan 6 telah menyaksikan peningkatan lebih daripada 10% di dalam peperiksaan akhir tahun 2017. Para murid lebih peka terhadap penggunaan pelbagai jenis kelas kata dan dapat mengaplikasikan pemahaman mereka untuk mencerakan dan memilih jawapan yang bersesuaian mengikut konteks soalan.

Jadual 4: Analisis Data Pencapaian Murid Mengikut Kohort bagi Komponen Imbuan

Kohort	Markah SA2 2016	SA1 2017	SA2 2017	Analisis Pencapaian
Darjah 3	67.1%	68.1%	76.1%	+8%
Darjah 4	65.9%	61.2%	78.8%	+17.6%
Darjah 5	62.8%	64.8%	77.1%	+12.3%
Darjah 6	61.0%	65.3%	75.6%	+10.3%

Bagi komponen Imbuan pula, hampir setiap kohort telah menunjukkan trend kemajuan yang positif. Setiap kohort telah mencapai tahap sasaran melebihi 75% murid yang lulus dalam komponen tersebut. Pengajaran mengenal pasti




jenis imbuhan dan mencerakin kesesuaian penggunaan kata terbitan di dalam ayat ternyata amat berkesan kerana murid lebih arif untuk memilih pendaya yang sesuai mengikut konteks soalan.

Penilaian untuk mengukur sejauh mana seseorang murid berjaya mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan dalam proses pembelajaran merupakan satu perkara yang mencabar bagi guru khususnya dalam penilaian aspek nilai dan bahasa. Walaupun ada elemen subjektiviti di dalam penilaian, seseorang guru harus peka untuk menentukan kaedah penilaian yang paling sesuai diterapkan di dalam bilik darjah untuk mendapatkan penilaian yang sah dan dapat diyakini. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Singapura harus menyediakan latihan bagi guru-guru bukan sahaja untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam berkaitan format dan pembinaan item penilaian yang sesuai malah kepakaran untuk menilai data-data yang relevan bagi memantau pembelajaran dan memperbaiki pengajaran. Usaha untuk meningkatkan tahap literasi penilaian dalam kalangan guru amatlah penting demi untuk melakarkan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan keperluan murid.

Para pendidik juga harus peka terhadap potensi portal penilaian secara interaktif yang ditawarkan di laman internet yang dapat digunakan untuk meningkatkan mutu menganalisis pemahaman murid di dalam bilik darjah. Portal yang boleh dimuat turun secara percuma ini bukan sahaja dapat membantu para pendidik untuk memahami keperluan murid malah menilai sejauh mana keberkesanan mutu pengajaran yang telah dijalankan. Namun, kajian yang lebih terperinci boleh dijalankan untuk menentukan kolerasi di antara data pencapaian murid dengan keberkesanan pengajaran guru. Faktor persekitaran, pendedahan dan persediaan murid juga harus diambil kira untuk mendapat hasil keputusan yang lebih saksama.

KESIMPULAN

Kesedaran tentang perlunya untuk melahirkan citra manusia baru seperti mana yang termaktub di dalam visi pihak Kementerian Pendidikan adalah amat wajar untuk setiap masyarakat membangun. Namun, untuk mencapai visi tersebut tidaklah semudah yang disangkakan. Setiap sistem menyediakan kita satu cara untuk menilai sesuatu perkara. Namun, tiada satu sistem pun yang sebegitu hebat dan 'berkuasa' untuk menilai segala isi pemikiran yang ada dalam minda atau hati murid. Justeru, guru harus mengambil sikap proaktif dan bersedia



untuk menerima ilmu baharu khususnya mengenai konsep penilaian dalam pendidikan alaf 21.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Zubaidah Othman
2. Nurulhuda Abdul Wahid
3. Nurfarhannah Hazmi

RUJUKAN

Ambigapathy, P dan Shanti, B.B(2004). Technological literacy for adults: insights from Malaysia. Kell P., Shore, S and Singh, M.(ed) *Adult education 21st century*. New York: Peter Lang.

Ambigapathy, P dan Suthagar, N. (2003). *Literasi teknologi komputer: Persepsi dan penggunaan di kalangan guru*. Pandian, A (ed.) *Bahasa dan literasi: penyediaan dan peninjauan untuk pendidikan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.


Beck, I.L. dan McKeown, M.G. (1986). Instructional research in reading: A Retrospective. In J. Orasanu (Ed.), *Reading comprehension: From Research to Practice* (pp. 113-134). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (1994). *Kamus dewan* (ed. ke-4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Gay, L. R., & Gay, L. R. (1985). *Educational evaluation and measurement: Competencies for analysis and application*. Columbus: C.E. Merrill Pub. Co.

Kamsiah Abdullah. (2010). *Pendidikan Bahasa Melayu di Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Singapura. (2005). *Laporan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu*. Singapura: Kementerian Pendidikan Singapura.



Mok Soon Sang (2011). *Nota intisari ilmu pendidikan pedagogi untuk pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

Sellan, Rajenthiran & Chong, Karen & Tay, Connie. (2006). Assessment shifts in the Singapore education system.

Shanmugaratnam, Tharman dari Singapore Government Press Release. (2004) Speeh by Mr Thaman Shanmugaratnam Minister for Education at the MOE Work Plan Seminar 2004. Dipetik pada 15 Disember 2017 dari <http://www.nas.gov.sg/archivesonline/speeches/viewhtml?filename=20040929>

Stufflebeam, D. L. (1971), The use of experimental design in education evaluation. *Journal of Educational Measurement*, 8: 267–274. doi:10.1111/j.1745-3984.1971.tb00936.x

